

# KENYATAAN AKHBAR

## CIDB ANJUR PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PERSIAP PERSONEL BINAAN KE ALAM PEKERJAAN

**SELANGOR, 14 Jun:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersama penggiat industri hari ini mengadakan program khidmat masyarakat sekaligus memberi pendedahan kepada personel binaan yang menjalankan latihan di Akademi Binaan Malaysia (ABM) mempraktikkan pembelajaran mereka menerusi latihan praktikal.

Program berkenaan yang berlangsung di Sungai Besar dan Sekinchan, Selangor bertujuan melahirkan personel binaan berkemahiran dan berpengalaman sebagai persediaan kepada mereka sebelum melangkah ke alam perkerjaan yang sebenar.

Pada masa yang sama program tersebut sebagai usaha untuk menarik lebih ramai belia-belia, kontraktor dan masyarakat setempat mengikuti program-program pembinaan yang telah disediakan oleh CIDB dan ABM.

Sebanyak dua buah taska telah dipilih untuk program praktikal ini iaitu Tadika Kemas An-Nur yang terletak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Panjang dan Tadika Nurul Hani di DUN Sekinchan.

Setiap lokasi akan melibatkan 100 pelatih ABM dari tred mengecat (*painting*) yang turut mendapat kerjasama daripada Pusat Latihan Bertauliah (PLB), Persatuan Kontraktor Melayu (PKMM) dan Masyarakat Setempat.

Turut hadir memberi sokongan ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Y. B. Datuk Rosnah Bte Abdul Rashid Shirlin dan calon pilihanraya kawasan berkenaan.

\*\*\*\*

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rakis Santa : [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my)      03-4047 6272 / 012-6200 360  
Noryani Ismail : [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)      03-4047 7027 / 019-285 6867